



Ruj. Kami : MQA.100-1/7/2 Jilid 2 (7)

Tarikh : 8 Mac 2018

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 4/2018

PERUBAHAN MAKLUMAT PROGRAM

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan keputusan Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti Kementerian Pendidikan Tinggi-Agensi Kelayakan Malaysia (KPT-MQA) Bil. 3/2017 bertarikh 25 November 2017.


2. Pemantauan, semakan dan penilaian yang berterusan serta menyeluruh ke atas program memerlukan pengemaskinian dilaksanakan agar kandungan program relevan dan seiring dengan perkembangan semasa.
3. Perubahan maklumat program hasil dari proses pengemaskinian memerlukan tindakan selanjutnya diambil oleh PPT. Bagi memastikan kelancaran, pihak MQA telah membangunkan suatu panduan seperti dalam **Lampiran 1**. Panduan ini memperjelaskan tindakan yang perlu diambil oleh PPT berdasarkan kategori perubahan maklumat yang tertentu.
4. Panduan ini boleh diambil kira dalam melaksanakan kurikulum yang bersifat lentur dan organik (*fluid and organic*) sebanyak 30 peratus (30%) seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia dalam Amanat Tahun 2018.

5. PPT diharap dapat memanfaatkan panduan yang diberikan dan memastikan agar tindakan yang diambil adalah seperti yang dinyatakan supaya urusan berkaitan dapat dilaksanakan secara lebih efektif dan efisien bagi tujuan memenuhi keperluan jaminan kualiti pendidikan tinggi.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang ikhlas,



(DATO' DR. RAHMAH BINTI MOHAMED)

E-mel: rahmah@mqa.gov.my

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA

4. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 7, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
5. SUSK YB Menteri Pendidikan Tinggi
Pejabat Menteri Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
6. SUSK YB Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi
Pejabat Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
7. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR
8. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR

PERUBAHAN MAKLUMAT PROGRAM

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Penambahbaikan kualiti memerlukan Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) melaksanakan pemantauan, semakan dan penilaian yang berterusan serta menyeluruh terhadap program yang ditawarkan.
- 1.2 Ini perlu dilakukan secara berterusan bagi memastikan program sentiasa dikemas kini mengikut perubahan dan keperluan semasa. Kandungan program perlu relevan dan seiring dengan perkembangan terkini.
- 1.3 Pada dasarnya, proses penambahbaikan kualiti yang dijalankan oleh PPT akan memberi kesan terhadap maklumat asal program yang dinyatakan sewaktu permohonan dikemukakan oleh PPT kepada MQA. Pada umumnya, sesetengah perubahan memerlukan pihak PPT berhubung dan berurusan dengan MQA, manakala sesetengah perubahan lebih berbentuk operasi dalaman dan tidak perlu dimaklumkan kepada MQA. Panduan ini akan memperjelaskan dengan lebih lanjut mengenai perkara ini.

2.0 TINDAKAN PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI

- 2.1 PPT perlu mengambil maklum tindakan yang sewajarnya berdasarkan kategori berikut:

- i. **Perubahan yang memerlukan pindaan maklumat pada Daftar Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Register*, MQR).**

Antaranya adalah:

- a) Pindaan editorial pada penamaan program.
(Contoh: Sarjana Sains (Kimia) kepada Sarjana Sains Kimia)
 - b) Pindaan editorial pada *National Education Code* (NEC).
(Contoh: NEC 340 kepada NEC 342)
 - c) Perubahan kredit bergraduat.
(Contoh: Program Diploma 93 kredit kepada 90 kredit ATAU program Sarjana Muda 126 kredit kepada 120 kredit)

- d) Perubahan tempoh pengajian.
(Contoh: Tempoh pengajian 2½ tahun kepada 2 tahun ATAU bilangan minggu pembelajaran dalam 1 semester daripada 14 minggu kepada 17 minggu)
- e) Perubahan/Penambahan kaedah pengajian.
(Contoh: Sepenuh masa atau separuh masa)

Tindakan semua PPT

Memaklumkan kepada MQA secara bertulis dengan disertakan Surat Kelulusan perubahan/pindaan maklumat daripada pihak berkuasa bersama maklumat perubahan.

- ii. **Perubahan bersifat STRUKTURAL pada reka bentuk program (kurikulum) yang tidak membawa kepada pertukaran bidang pengajian lain (tidak membawa kepada pertukaran NEC). Peratusan perubahan kurikulum yang diambil kira adalah secara KUMULATIF berdasarkan kurikulum asal seperti yang diluluskan.**

Antaranya adalah:

- a) Penamaan program disebabkan pindaan pada *Body of Knowledge* atau mengikut trend penamaan semasa.
- b) Perubahan/Penambahan kepada kaedah *Work-Based Learning* (WBL).
(Contoh: Kaedah WBL yang dibangunkan berdasarkan Garis Panduan WBL atau 2u2i)
- c) Struktur program.
(Contoh: *Major, minor* atau pengkhususan)
- d) Perubahan pada objektif pendidikan program (*Programme Educational Objectives*, PEO) atau hasil pembelajaran program (*Programme Learning Outcomes*, PLO).
- e) Perubahan kandungan kurikulum bersifat struktural melebihi 30% daripada kurikulum asal komponen teras, *major, minor* atau pengkhususan yang melibatkan pengguguran, penambahan atau penggantian kursus atau perubahan *major Course Learning Outcomes* (CLO) yang bukan editorial atau gabungan kedua-duanya.
(Contoh: Perubahan kurikulum program Diploma 90 kredit yang melibatkan pertukaran 5 kursus sebanyak 15 kredit. Dalam

pada itu, perubahan *major* CLO dibuat ke atas 5 kursus lain sebanyak 15 kredit. Secara keseluruhan, perubahan struktural melibatkan 30 kredit iaitu 33.3% daripada komponen kurikulum)

Tindakan semua PPT

Memaklumkan kepada MQA secara bertulis dengan disertakan bersama maklumat perubahan untuk proses penilaian semula. Caj penilaian akan dikenakan berdasarkan keperluan.

Sekiranya perubahan memerlukan pindaan pada MQR, PPT perlu memaklumkan kepada MQA secara bertulis dengan disertakan Surat Kelulusan perubahan/pindaan maklumat daripada pihak berkuasa bersama maklumat perubahan.

Tindakan PPT berstatus Swaakreditasi

Sekiranya perubahan memerlukan pindaan pada MQR, PPT perlu memaklumkan kepada MQA secara bertulis dengan disertakan Surat Kelulusan perubahan/pindaan maklumat daripada pihak berkuasa bersama maklumat perubahan.

iii. Perubahan pada reka bentuk program (kurikulum) yang membawa kepada pertukaran bidang pengajian lain (membawa kepada pertukaran NEC).

Antaranya adalah perubahan penamaan dan kandungan program yang menjurus kepada *Body of Knowledge* bidang pengajian lain.

Contoh:

- 'Diploma Pengurusan dan Pentadbiran Islam' kepada 'Diploma Pengajian Islam'.
- 'Diploma Pentadbiran Perniagaan' kepada 'Diploma Sumber Manusia'.
- 'Sarjana Muda Bioteknologi' kepada 'Sarjana Muda Biomedikal'.
- 'Sarjana Muda Teknologi Maklumat' kepada 'Sarjana Muda Sistem Maklumat Perniagaan'.

Tindakan semua PPT

Mengemukakan permohonan baharu kepada MQA dan mendapatkan Surat Kelulusan mengendalikan program daripada pihak berkuasa.

Tindakan PPT berstatus Swaakreditasi

Senat universiti perlu mengakredit program baharu dan seterusnya mengemukakan maklumat program kepada MQA beserta Surat Kelulusan mengendalikan program daripada pihak berkuasa untuk disenaraikan dalam Senarai Akreditasi Sementara atau didaftarkan dalam MQR.

- iv. **Perubahan/Penambahan kaedah penyampaian program daripada Konvensional kepada *Open and Distance Learning* (ODL) ATAU perubahan/penambahan mod penawaran program daripada mod campuran atau mod kerja kursus kepada mod penyelidikan bagi program pascasiswazah.**

Tindakan semua PPT

Mengemukakan permohonan baharu kepada MQA dan mendapatkan Surat Kelulusan mengendalikan program daripada pihak berkuasa.

Tindakan PPT berstatus Swaakreditasi

Senat universiti perlu mengakredit program baharu dan seterusnya mengemukakan maklumat program kepada MQA beserta Surat Kelulusan mengendalikan program daripada pihak berkuasa untuk disenaraikan dalam Senarai Akreditasi Sementara atau didaftarkan dalam MQR.

- v. **Perubahan selain daripada Kategori i, ii, iii dan iv.**

Antaranya adalah:

- a) Perubahan bagi memenuhi keperluan Standard Program.
- b) Penyelarasan kandungan kursus dengan penggantian topik selaras dengan perkembangan ilmu semasa.
- c) Penambahan komponen pembelajaran teradun (*blended learning*) dalam pengendalian program.
- d) Perubahan kaedah atau komposisi penilaian formatif dan sumatif.
- e) Perubahan sinopsis kursus.
- f) Pengemaskinian bahan rujukan.

Tindakan semua PPT

Tidak perlu memaklumkan kepada MQA. PPT perlu menyimpan rekod dan bukti-bukti pengesahan untuk semakan semasa penilaian audit pematuhan.

- 2.2 Tindakan PPT berdasarkan kategori diringkaskan seperti dalam Jadual di bawah:

Kategori	Semua PPT	PPT Berstatus Swaakreditasi
i. Perubahan yang memerlukan pindaan maklumat pada Daftar Kelayakan Malaysia (<i>Malaysian Qualifications Register</i> , MQR).	Memaklumkan kepada MQA secara bertulis dengan disertakan Surat Kelulusan perubahan/pindaan maklumat daripada pihak berkuasa bersama maklumat perubahan.	
ii. Perubahan bersifat STRUKTURAL pada reka bentuk program (kurikulum) yang tidak membawa kepada pertukaran bidang pengajian lain (tidak membawa kepada pertukaran NEC). Peratusan perubahan kurikulum yang diambil kira adalah secara KUMULATIF berdasarkan kurikulum asal seperti yang diluluskan.	Memaklumkan kepada MQA secara bertulis dengan disertakan bersama maklumat perubahan untuk proses penilaian semula. Caj penilaian akan dikenakan berdasarkan keperluan. Sekiranya perubahan memerlukan pindaan pada MQR, PPT perlu memaklumkan kepada MQA secara bertulis dengan disertakan Surat Kelulusan perubahan/pindaan maklumat daripada pihak berkuasa bersama maklumat perubahan.	Sekiranya perubahan memerlukan pindaan pada MQR, PPT perlu memaklumkan kepada MQA secara bertulis dengan disertakan Surat Kelulusan perubahan/pindaan maklumat daripada pihak berkuasa bersama maklumat perubahan.

Kategori	Semua PPT	PPT Berstatus Swaakreditasi
iii. Perubahan pada reka bentuk program (kurikulum) yang membawa kepada pertukaran bidang pengajian lain (membawa kepada pertukaran NEC).	Mengemukakan permohonan baharu kepada MQA dan mendapatkan Surat Kelulusan mengendalikan program daripada pihak berkuasa.	Senat universiti perlu mengakredit program baharu dan seterusnya mengemukakan maklumat program kepada MQA beserta Surat Kelulusan mengendalikan program daripada pihak berkuasa untuk disenaraikan dalam Senarai Akreditasi Sementara atau didaftarkan dalam MQR.
iv. Perubahan/Penambahan kaedah penyampaian program daripada Konvensional kepada <i>Open and Distance Learning</i> (ODL) ATAU perubahan atau perubahan/penambahan mod penawaran program daripada mod campuran atau mod kerja kursus kepada mod penyelidikan bagi program pascasiswazah.	Mengemukakan permohonan baharu kepada MQA dan mendapatkan Surat Kelulusan mengendalikan program daripada pihak berkuasa.	Senat universiti perlu mengakredit program baharu dan seterusnya mengemukakan maklumat program kepada MQA beserta Surat Kelulusan mengendalikan program daripada pihak berkuasa untuk disenaraikan dalam Senarai Akreditasi Sementara atau didaftarkan dalam MQR.
v. Perubahan selain daripada Kategori i, ii, iii dan iv.	Tidak perlu memaklumkan kepada MQA. PPT perlu menyimpan rekod dan bukti-bukti pengesahan untuk semakan semasa penilaian audit pematuhan.	

Catatan:

- a) Pihak berkuasa seperti yang dinyatakan pada Kategori i, ii, iii dan iv merujuk kepada pihak tertinggi yang meluluskan sesuatu permohonan baru atau perubahan program pengajian.
- b) Sekiranya melibatkan perubahan pada nama program atau alamat premis, maka perlu dibuat penggantian Sijil Perakuan Akreditasi dengan fi yang ditetapkan. PPT perlu memulangkan Sijil Perakuan Akreditasi yang asal kepada MQA.